

28 Mei 2020 - Mesyuarat Penggubalan Rang Undang-Undang Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan COVID-19



Kerajaan kini sedang menggubal Rang Undang-Undang Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan COVID-19 yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada Julai 2020.

Sehubungan itu, satu mesyuarat melibatkan Menteri-Menteri serta wakil seluruh Kementerian dan Agensi berkaitan berlangsung hari ini di Auditorium Jabatan Perdana Menteri yang diselaraskan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) bersama Jabatan Peguam Negara (AGC). Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Takiyuddin Haji Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) antara lain membincangkan isu dasar berhubung cadangan penggubalan akta berkenaan.

Menurut Yang Berhormat Menteri, Kerajaan akan mengadakan sesi libat urus bersama semua pemegang taruh selain mesyuarat susulan dengan pelbagai Kementerian dan Agensi berkaitan.

Tambah beliau, semua pihak termasuk Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) diharapkan dapat memberi sumbang saran dan cadangan pada sesi libat urus melalui platform dalam talian yang akan diselaraskan oleh BHEUU.

Akta itu digubal selaras keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 April 2020 dan 20 Mei 2020 yang bersetuju satu akta khusus diwujudkan bagi menangani kesan COVID-19.



9 Jun 2020 - Mesyuarat Susulan Bersama Kementerian/Jabatan/Agensi Mengenai Penggubalan Rang Undang-Undang Pelaksanaan Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan COVID-19



Mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Pengarah BHEUU yang dihadiri wakil setiap Kementerian/Agensi terlibat. Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah Penasihat Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (JPM) Yang Berbahagia Datuk Almalena Sharmila binti Dato' Dr. Johan.



Tempat : Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU

10 Jun 2020 - Mesyuarat Susulan Bersama Kerajaan Sabah dan Sarawak Mengenai Rang Undang-Undang Pelaksanaan Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan COVID-19



Tempat : Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10, BHEUU
Pengerusi : YBrs. Tuan Abdul Aziz Mohd Johdi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan), BHEUU

11 Jun 2020 - Mesyuarat Susulan Bersama Kerajaan Negeri Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Melaka, Negeri Sembilan Mengenai Rang Undang-Undang Pelaksanaan Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan COVID-19



Tempat : Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10, BHEUU
Pengerusi : YBhg. Datuk Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Pengarah BHEUU

**11 Jun 2020 - Mesyuarat
Susulan Bersama
Kerajaan Negeri Perlis,
Kedah, Pulau Pinang,
Perak, Selangor dan
Wilayah Persekutuan
Mengenai Rang Undang-
Undang Pelaksanaan
Langkah Sementara Bagi
Mengurangkan Kesan
COVID-19**

**Tempat : Bilik Mesyuarat Perdana, Aras
10, BHEUU
Pengerusi : YBhg. Datuk Dr. Rose Lena
Lazemi, Ketua Pengarah BHEUU**



Lawatan Kerja Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang ke Negeri Kedah Darul Aman)

Pada 7 Jun 2020, Yang Berhormat Dato' Takiyuddin Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) buat julung kalinya telah mengadakan Lawatan Kerja ke Kedah Darul Aman.

Lawatan kerja sehari itu dimulakan dengan mengunjungi Mahkamah Majistret Sik sebelum kemudiannya ke Pejabat Tanah dan Daerah Sik serta ke Kompleks Mahkamah Sungai Petani.

Lawatan diakhiri dengan Kunjungan Hormat ke atas Yang Amat Berhormat Muhammad Sanusi Md Nor, Menteri Besar Kedah.



17 Jun 2020 - *Clock in* YBrS. Puan Roziah binti Abudin, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), JPM



Pada 17 Jun 2020, *clock in* Ketua Pengarah BHEUU yang baharu, Puan Roziah Abudin berlangsung kira-kira jam 9.00 pagi bertempat di lobi BHEUU.

Ketibaan beliau disambut oleh Ketua Pengarah Jabatan Insolvency Malaysia, YBhg. Dato' Anita Harun, Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman, YBrS. Puan Siti Salwa Musa, Pengarah-Pengarah Seksyen dan warga kerja BHEUU.

18 Jun 2020 - Taklimat Bersama Ketua Pengarah BHEUU



Perjumpaan kali pertama YBrs. Puan Roziah binti Abudin, Ketua Pengarah BHEUU bersama Pengarah-Pengarah Seksyen dan Ketua-Ketua Unit bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10, BHEUU.

Di akhir taklimat beliau menerima kejutan “kek hari lahir” sempena ulang tahun kelahiran beliau.

18 Jun 2020 - Kunjungan Hormat Ketua Pengarah BHEUU Ke Atas YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)



Tempat : Pejabat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)

21 Jun 2020 - Lawatan Projek Pembangunan Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Ke Negeri Kelantan



Tempat : Mahkamah Majistret Bachok, tapak cadangan baharu Mahkamah Majistret Bachok, Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok dan Kompleks Mahkamah Kota Bharu

22 Jun 2020 - Lawatan Projek Pembangunan YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Ke Negeri Terengganu



Tempat : Mahkamah Majistret Setiu dan tapak cadangan Mahkamah Setiu, Terengganu

30 Jun 2020 - Majlis Amanat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Bersama Warga Kluster Kehakiman dan Perundangan



Majlis Amanat Yang Berhormat Dato' Takiyuddin Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Bersama Warga Kluster Kehakiman dan Perundangan julung kali diadakan hari ini bertempat di Dewan Saksama, Aras 2, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang.

Majlis turut dihadiri oleh Yang Berhormat Dato' Eddin Syazlee Shith, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Ketua-Ketua Pengarah Jabatan/Agensi di bawah Kluster Kehakiman dan Perundangan serta warga kerja melibatkan kira-kira 150 orang.



Tempat : Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU



SEKIAN TERIMA KASIH

Diterbitkan oleh :

Unit Komunikasi Korporat
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62692 PUTRAJAYA

Tel : 03-88851000

Faks : 03-88851062

Emel : bheuu.korporat@bheuu.gov.my



[bheuuipm](https://www.facebook.com/bheuuipm)



[bheuuipm](https://twitter.com/bheuuipm)



[bheuuipm](https://www.instagram.com/bheuuipm)



www.bheuu.gov.my



**BAHAGIAN HAL EHVAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**